

▼03/10/17-20MST
CNS1570
UGB 03-10 00203 BA817
bah

PROSES PENGAMBILAN BALIK HARTA UMNO TERLALU LAMA, RATA MAHATHIR

Mahathir - Harta

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata UMNO akan mempercepatkan proses pengambilan balik hartanya yang dibekukan berikutan pengharapan parti itu empat tahun lepas, kerana penyelesaian yang memakan masa terlalu panjang boleh meruritkan keadpan.

Ini disebabkan banyak anggota asal parti itu akan meninggal dunia 'dan bilangan separuh daripada jumlah anggota lama dalam UMNO,' seperti yang dikehendaki oleh undang-undang untuk menuntut harta itu, ticalak akan dapat dicapai, kata Perdana Menteri.

+Kalau ia mengambil masa 30 hingga 40 tahun, semua ahli dah mati, nak cari separuh daripada ahli lama, mana nak ada... pergi tengok di kuburlah, + katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti itu di Menara Datuk Onn di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, parti itu sudah mempunyai lebih daripada setengah jumlah anggota UMNO lama, tetapi proses untuk mendapatkan tandatangan dan butiran lengkap mengenai anggota terbabit yang kini diuruskan oleh ibu pejabat UMNO, memakan masa.

Mengikut undang-undang, jika separuh daripada anggota lama berada dalam parti baru, mereka berhak mendapat harta parti lama itu. -- Lagi

▼03/10/16-08MST
UGB 03-10 00183 BA818
bah

Mahathir - Harta 2 (AKhir) Kuala Lumpur

Ditanya mengenai nilai harta UMNO yang dibekukan itu, Dr Mahathir berkata, Pusat Dagangan Dunia Putra sahaja mungkin sudah bernilai \$300 juta hingga \$400 juta sekarang, selain wang tunai serta saham, yang bernilai lebih daripada \$100 juta setakat ini ditangan pemegang amanah.

Katanya pemegang amanah sebenarnya tidak pernah menguruskan harta yang sebegitu banyak dan tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menguruskan harta yang tersebar luas di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata, kira-kira 80 peratus daripada anggota lama telah menyertai semula UMNO dan hampir 50 peratus daripada anggota lama itu telah didaftarkan.

Bagaimanapun tidak semua daripada anggota yang didaftarkan itu telah selesai melalui proses pengambilan butiran yang dikehendaki dan proses ini memakan masa.

Dr Mahathir menyifatkan tindakan Parti Semangat 46 untuk menentang UMNO mendapatkan kembali harta itu sebagai perbuatan +mengacau+.

+Semangat 46 nak kacau... bukan ada apapun... dah tak cukup bagi haram UMNO, heret UMNO masuk mahkamah kononnya kerana sayang sangat dengan UMNO, inilah semangat sayang kepada UMNO, bagi haramkan UMNO, + kata beliau. --
Bernama

▼03/10/16-24MST